

Debat Perdana Integriti cetus kefahaman mendalam mahasiswa

BATU PAHAT 12 Mac - Penganjuran Debat Perdana Integriti Antara IPT 2013 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) hujung minggu lalu disifatkan berjaya dalam usaha mencetus kefahaman mendalam tentang kepentingan integriti dalam kalangan mahasiswa dan isu berkaitan dengannya.

Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin berkata, penganjuran kali ini dan siri-siri pertandingan debat sebelumnya sejak lapan tahun lalu berjaya menjadi pentas mempromosi dan membudayakan etika integriti dalam kalangan warga kampus.

"Program ini juga dapat menambatkan kefahaman mengenai usaha pengukuhan integriti negara dalam kalangan mahasiswa yang bakal memimpin di masa hadapan.

"Pelaksanaan pertandingan ini bukan terletak kepada kepetahan pendebat tetapi kemampuan menampilkan idea serta penjiwaan falsafah integriti dalam erti kata sebenar," katanya ketika berucap menutup majlis itu di Dewan Tunku Ibrahim Ismail UTHM di sini Ahad lalu.



PASUKAN UIAM yang dibarisi (dari kiri) Fawza Sabila Faudzi, Nur Ezzah Abdullah, Abdul Muiz Mustafa dan Muhammad Anas Shafie menjuarai Debat Perdana Integriti 2013 di Batu Pahat, baru-baru ini.

Debat Perdana Integriti Antara IPT 2013 melibatkan 96 pendebat daripada 24 institusi pengajian

tinggi menggunakan format perbahasan ala Parlimen Malaysia dengan tema Resmi Rakyat Menju-

lang Integriti dan diadili sebanyak 70 hakim dari pelbagai latar belakang.

Program yang dianjurkan hasil usaha antara UTHM, Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (Madum) itu menyaksikan wakil Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) muncul juara, lapan tahun selepas mendapat tempat pertama dalam edisi sulung pertandingan debat tersebut.

Pasukan UIAM bertindak sebagai pembangkang dalam pembentangan bertajuk Pembudayaan Integriti Bermula Daripada Pemimpin dan dibarisi Abdul Muiz Mustafa, 22, Fawza Sabila Faudzi, 22, Nur Ezzah Abdullah, 21, dan Muhammad Anas Shafie, 20.

Abdul Muiz turut dinobatkan sebagai pendebat terbaik IPT.

Tempat kedua dimenangi Universiti Teknologi Mara (UiTM) manakala pasukan UTHM yang diwakili Mohd. Hakim Zainal, 25, Lee Te Chuan, 24, Awang Mohamad Nur Jehan, 24, dan Amirul Faiz Mohd Mokhtar, 22, hanya mara ke pusingan awal selepas tewas kepada pasukan Universiti Zainal Abidin (UnisZA).